



**NEGERI BRUNEI**

**E 5 TAHUN 1983**

**UNDANG2 SEMPADAN2 PENANGKAPAN IKAN BRUNEI,  
1982.**

Beta bersetuju,



**MOHOR**

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.**

**1-1-83**

*Satu Undang2 untuk mengishtiharkan Sempadan2  
Penangkapan Ikan Brunei.*

[ ]

**ADA-LAH DI-PERBUAT** oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti yang berikut :—

UNDANG2 SEMPADAN2 PENANGKAPAN IKAN  
BRUNEI, 1982

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Sempadan2 Penangkapan Ikan Brunei, 1982 dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada 1 haribulan Januari, 1983.

Gelaran dan  
Permulaan.

2. Di-dalam Undang2 ini —

Tafsiran.

“Perahu menangkap ikan” berma’ana apa jua kapal yang pada masa itu di-pergunakan dalam urusan2 menangkap ikan atau apa jua urusan berhubung dengan-nya ;

“batu” berma’ana batu pelayaran antarabangsa sa-jauh 1,852 meter ;

“ikan” termasuk sebarang dari jenis2 ikan laut, ayer payau atau ayer tawar, ketam dan udang, kerang, bunga kerang, teripang dan lain2 benda yang hidup dalam ayer, tetapi tidak termasuk penyus2 atau telur2-nya.

3. (1) Terta’alok kepada sharat2 yang berikut dari bab ini, sempadan2 penangkapan ikan Brunei sampai sa-hingga 200 batu dari garis2 pangkal daripada mana lebar-nya laut wilayah yang berhampiran dengan Brunei di-ukor.

Sempadan2  
penangkapan  
ikan Brunei.

(2) Sementara menunggu pembuatan sesuatu Perentah sebagaimana yang di-persyaratkan dalam cheraian (3) dari bab ini, dan dengan tidak menyentuh sebarang tuntutan terhadap sempadan2 Negeri Brunei yang lebeh luas lagi menurut undang2 antarabangsa, sebagai satu langkah peralehan, jika garis tengah, sebagaimana yang selepas ini di-tafsirkan, ada-lah kurang dari 200 batu daripada garis2 pangkal yang di-sebutkan dalam cheraian (1), maka sempadan2 penangkapan ikan Brunei ada-lah hanya sa-hingga garis tengah itu. Garis tengah ia-lah suatu garisan, tiap2 kedudukan tempat-nya ada-lah sama jarak-nya dari tempat2 yang berhampiran sekali dari, pada satu pihak, garis2 pangkal yang di-sebutkan dalam cheraian (1) dan, pada pihak yang lain pula, garis2 pangkal yang bersesuaian bagi negeri2 lain.

(3) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan Perentah mengishtiharkan supaya sempadan2

UNDANG2 SEMPADAN2 PENANGKAPAN IKAN  
BRUNEI, 1982

penangkapan ikan Brunei di-perluaskan sa-hingga sesuatu garis lain yang mungkin di-tentukan dalam Perintah tersebut.

(4) Sebutan mengenai sempadan2 penangkapan ikan Brunei di-dalam Undang2 Perikanan, 1972 atau di-dalam sebarang undang2 lain yang pada masa itu berkuatkuasa ada-lah sebutan mengenai sempadan2 yang di-tentukan oleh atau di-bawah bab ini.

Kebenaran  
memasoki  
sempadan2  
penangkapan  
ikan Brunei.

4. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah menamakan mana2 negeri di-luar Brunei dan, berhubung dengan-nya, kawasan2 di-dalam sempadan2 penangkapan ikan Brunei di-dalam kawasan2 mana, dan jenis2 ikan terhadap mana perahu2 menangkap ikan yang di-daftarkan di-negeri itu boleh menangkap ikan.

(2) Sesebuah perahu menangkap ikan negeri asing yang tidak di-daftarkan di-sesebuah negeri yang pada masa itu di-namakan di-bawah cheraian (1) tidak boleh memasoki sempadan2 penangkapan ikan Brunei kechuali bagi sesuatu maksud yang di-akui oleh Undang2 antarabangsa atau oleh apa jua konvenshen yang pada masa itu berkuatkuasa di-antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia di-Brunei dan kerajaan negeri yang mempunyai perahu itu ; dan mana2 perahu sedemikian yang memasoki sempadan2 itu bagi maksud tersebut —

(a) hendak-lah kembali di-luar sempadan2 itu sebaik2 sahaja maksud-nya telah di-laksanakan ; dan

(b) tidak boleh menangkap ikan atau chuba menangkap ikan semasa berada di-dalam sempadan2 itu.

(3) Sesebuah perahu menangkap ikan negeri asing di-daftarkan di-sesebuah negeri yang di-namakan di-bawah cheraian (1) tidak boleh menangkap ikan atau chuba menangkap ikan di-dalam sempadan2 penangkapan ikan Brunei —

(a) kechuali menurut syarat2 dan penentuan2 lesen yang mungkin di-kehendaki berthabit

UNDANG2 SEMPADAN2 PENANGKAPAN IKAN  
BRUNEI, 1982

dengan perahu tersebut di-bawah Undang2 Perikanan, 1972 ;

- (b) kechuali di-dalam sesuatu kawasan dan terhadap jenis2 ikan yang pada masa itu dinamakan di-bawah bab ini berhubong dengan negeri itu.

(4) Pada bila2 masa manakala sesebuah perahu menangkap ikan negeri luar berada di-dalam sesebuah kawasan di-dalam sempadan2 penangkapan ikan Brunei dan sama ada —

- (a) ia-nya di-larang oleh bab ini dari menangkap ikan di-kawasan itu sama sekali ; atau
- (b) ia-nya di-benarkan di-bawah bab ini untuk menangkap ikan hanya terhadap jenis2 ikan yang tertentu,

maka yang demikian, alat menangkap ikan-nya, atau mana2 alat yang tidak di-kehendaki untuk menangkap ikan yang di-benarkan, hendak-lah di-tempatkan menurut sesuatu perintah yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(5) Jika bab ini di-langgar berkenaan dengan apa jua perahu menangkap ikan —

- (a) Nakhoda perahu itu boleh di-kenakan jika di-dapati thabit kesalahan-nya hukum denda yang tidak melebehi \$100,000 ; dan
- (b) Mahkamah boleh manakala menthabitkan kesalahan-nya bagi sesuatu kesalahan di-bawah bab ini memerentahkan perampasan apa jua ikan atau alat menangkap ikan yang di-dapati di-dalam perahu itu atau yang telah di-ambil atau di-gunakan oleh sesiapa jua dari perahu itu.

(6) Syarat2 yang sebelum ini dari bab ini tidak melarang atau menyekat penangkapan ikan oleh perahu2 menangkap ikan yang di-daftarkan di-sesebuah negeri di-luar Brunei di-mana2 kawasan berthabit dengan mana

UNDANG2 SEMPADAN2 PENANGKAPAN IKAN  
BRUNEI, 1982

sharat khas ada di-buat dengan sebarang penyusunan di-antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia di-Brunei dan kerajaan negeri itu untok menangkap ikan oleh perahu2 sedemikian bagi maksud penyelidekan sains.

Di-luluskan pada 8 haribulan Disember, 1982.

DATO PADUKA HAJI JUDIN HAJI ASAR  
Jurutulis,  
Majlis Mashuarat Negeri,  
Brunei.